

# WARISAN BUDAYA PEMIKIRAN DALAM PERIBAHASA MELAYU

Ahmad Fuad Mat Hassan  
Universiti Utara Malaysia

## Abstrak

“Tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas” merupakan peribahasa yang membuktikan bahawa peribahasa Melayu sememangnya layak dijadikan warisan budaya pemikiran masyarakat Melayu. Secara sedar ataupun tidak, peribahasa Melayu yang telah diungkapkan oleh masyarakat Melayu lama dahulu berjaya merungkai pelbagai persoalan yang mendasari tindakan manusia dalam kehidupan sosial. Pemaparan peribahasa ini menonjolkan akal budi masyarakat Melayu lama yang sangat terikat dengan adat istiadat, struktur sosial masyarakat Melayu, sikap, lapangan kehidupan serta falsafah hidup yang dianuti. Justeru kertas kerja ini akan mengenal pasti dan membincangkan warisan budaya pemikiran dalam peribahasa dari aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Data kajian dikumpul dan dipilih daripada teks peribahasa Melayu seterusnya dianalisis menggunakan hipotesis Sapir Whorf (1921). Daripada 5359 peribahasa yang dikaji, didapati 74.5% peribahasa membincangkan warisan budaya pemikiran dari aspek sosiobudaya, 17.7% dari aspek sosiekonomi dan 7.8% dari aspek sosiopolitik. Kesimpulannya, jelaslah bahawa peribahasa yang mengandungi budaya pemikiran masyarakat Melayu lama dahulu menentukan jalan fikiran penuturnya. Keberhubungan antara peribahasa dan budaya bermasyarakat ini menggambarkan pemikiran masyarakat Melayu dalam semua aspek kehidupan lahiriah dan batiniah yang seharusnya dijaga dan dipelihara seterusnya diwarisi untuk generasi yang akan datang.

Kata Kunci: Warisan Budaya, Pemikiran, Peribahasa Melayu

## Abstract

*“Tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas” is a proverb which proves that Malay proverbs are absolutely worthy to be regarded as the cultural heritage of the mindset of the Malay community. Undeniably, Malay proverbs uttered by the Malay community long ago have succeeded in dismantling various issues underlying human actions in social lives. These proverbs highlight the mindset of the previous Malay community which were tightly linked to the customs, social structures, attitudes, lives and philosophies embraced. Hence, this paper will identify and discuss the ideas behind the cultural heritage in the Malay proverbs from the sociocultural, socioeconomic and sociopolitical aspects. Data were collected and selected from the Malay*

---

\* Penulis untuk dihubungi:  
afuad@uum.edu.my

*proverb texts before being further analyzed using Sapir Whorf hypothesis (1921). From 5359 proverbs studied, 74.5% were found to discuss the cultural heritage from the socio-cultural aspect, 17.7% and 7.8% from socioeconomic and sociopolitical aspects respectively. In conclusion, it is clear that Malay proverbs containing the cultural mindset of the previous Malay community determine the Malay speakers' mindset. The relationships between the proverbs and communal culture reflect the mindset of the Malay community in all aspects of life, outward and inward, which should be guarded and conserved for generations to come.*

*Keywords: Heritage, Mindset, Malay proverb*

## **Pengenalan**

Peribahasa Melayu merupakan salah satu cabang puisi lama dan tertua tetapi masih relevan dan digunakan sehingga kini. Peribahasa Melayu merupakan warisan budaya pemikiran yang bersangkutan dengan kehidupan seharian, iaitu tentang kekeluargaan, kemasyarakatan, kebudayaan, kepercayaan beragama dan seterusnya alam kehidupan sekeliling yang merangkumi alam Melayu itu sendiri. Pemaparan peribahasa dapat menonjolkan akal budi masyarakat Melayu lama yang sangat terikat dengan adat istiadat, struktur sosial masyarakat Melayu lama, sikap, lapangan kehidupan serta falsafah hidup yang menjadi pegangan.

Peribahasa dapat disifatkan sebagai “tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas” kerana masih relevan, merentasi zaman dan melangkaui era globalisasi. Hal ini demikian kerana peribahasa Melayu mengandungi nilai-nilai, norma hidup, pandangan sarwajagat, pemikiran dan falsafah yang bersifat sejagat. Justeru kertas kerja ini akan membahaskan peribahasa sebagai warisan budaya pemikiran Melayu dari aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik.

## **Pernyataan Masalah**

Kajian yang membincangkan warisan budaya pemikiran dalam peribahasa Melayu dari tiga aspek, iaitu sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik masih kurang dibincangkan sebelum ini kerana kajian terhadap peribahasa yang terdahulu lebih membincangkan kaitannya peribahasa Melayu dengan kehidupan orang Melayu dan mengenali perwatakan serta sifat-sifat orang Melayu (Brown, 1951), memfokus kepada aspek simbol dalam peribahasa Melayu, (Indirawati Zahid, 1997), aspek gender, (Bahiyah Dato' Hj Abdul Hamid dan Hafriza Burhanudeen (1998), citra perempuan dalam peribahasa Melayu (Jyh Wee Sew, 2009), unsur emosi dan humor dalam peribahasa Melayu, (Jyh Wee Sew, 2009), dan pembentukan model kognitif yang tercermin dalam peribahasa bersumberkan haiwan, (Imran Ho Abdullah, 2011).

Bertitik tolak daripada sini, kertas kerja ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan warisan budaya pemikiran dalam peribahasa dari aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik dan ianya kekal relevan hingga ke hari ini.

## **Metodologi**

Data peribahasa diteliti daripada buku peribahasa, Peribahasa Melayu: Penelitian Makna dan Nilai, (2011). Data yang diperoleh dianalisis secara kualitatif berdasarkan tiga aspek, iaitu sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik yang memaparkan aspek-aspek yang dinyatakan.

Teori Relativiti Linguistik yang menjadi dasar Hipotesis Sapir-Whorf (1921), menyatakan bahawa terdapat hubungan antara bahasa, budaya dan pemikiran manusia. Dengan perkataan lain, tanggapan atau fikiran dan tindakan seseorang itu bergantung kepada struktur dan kosa kata dalam bahasa

yang digunakan oleh penutur untuk berfikir dan menanggapi sesuatu. Dengan yang demikian bahasa turut mempengaruhi tingkah laku penuturnya. Penekanan “*the structure of the languages we speak affects the way we perceive the world about us*” menjelaskan bahawa struktur sesuatu bahasa menggambarkan cara penutur memandang dunianya dan bagaimana budaya mempunyai hubungan dengan bahasa, (Jufriзал, Zul Amri dan Refnaldi : 2007)


Teori Relativiti Linguistik yang dipelopori oleh Boas, Sapir dan Whorf ini turut menyatakan bahawa bahasa tidak hanya menentukan kebudayaan tetapi juga menentukan jalan fikiran penuturnya. Keberhubungan antara bahasa dan kebudayaan yang begitu erat terjadi dalam kehidupan lahiriah dan batiniah. Hal ini dapat dikaitkan oleh penulis dengan penciptaan peribahasa Melayu.

## Dapatan Kajian

### Sosiobudaya

Sosiobudaya merujuk kepada hubungan masyarakat dengan budaya seperti cara hidup, adat istiadat dan lain-lain, (Kamus Dewan, 2005). Dalam peribahasa Melayu, aspek sosiobudaya paling tinggi diungkapkan sesuai dengan peranan peribahasa sebagai medium untuk menyampaikan pengajaran, perbandingan, teladan, peringatan, sindiran, dan nasihat kepada ahli masyarakatnya.

Daripada 5359 peribahasa yang dikaji didapati peribahasa yang menyentuh tentang sosiobudaya adalah sebanyak 74.5%, diikuti oleh sosioekonomi sebanyak 17.7 % dan sosiopolitik sebanyak 7.8 %, (Sila rujuk Rajah 1).



**Rajah 1 : Tema dalam Peribahasa Melayu**

Kekuatan peribahasa dalam mengungkapkan aspek sosiobudaya terpancar dalam peribahasa P1, P2, P3, P4, P5, P6, P7 dan P7 yang berikut;

Data	Peribahasa	Makna
P1	Adat memakai, syarak mengata	Adat yang tidak sesuai dengan hukum syarak dan tidak sesuai dengan kehendak masa tidaklah guna dipertahankan, kerana adat harus tertakluk kepada hukum syarak
P2	Adat pulau limburan pasang	Adat hidup bantu-membantu
P3	Berhampar lapik, berlicin daun	Bermuafakat mencari penyelesaian yang baik dengan setulus hati
P4	Air beriak tanda tak dalam	Banyak bercakap tanda tiada ilmu
P5	Air besar, batu bersibak Sibak - <i>cerai/menepi</i>	Kawan/saudara yang berpecah-belah apabila timbul pergaduhan/ perselisihan
P6	Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	Bermuafakat dalam melakukan sesuatu kerja yang mudah atau susah
P7	Berhambakan tangan, bersaksikan mata, berhakimkan hati	Fikir dengan baik-baik sebelum membuat sesuatu

Daripada peribahasa P1 “adat memakai, syarak mengata” bangsa Melayu masih mempertahankan adat budaya bangsa namun sekiranya adat itu tidak sesuai dengan hukum syarak dan tidak juga sesuai dengan kehendak masa, ahli masyarakat boleh mengubahnya atau meninggalkannya yakni tidaklah guna dipertahankan kerana kemungkinan adat itu menyalahi hukum syarak ataupun menyekat kemajuan bangsa. Seterusnya bangsa Melayu menyarankan ahli masyarakatnya hidup saling membantu seperti yang terungkap dalam P2 “adat pulau limburan pasang” dan sentiasa bermuafakat dalam mencari penyelesaian di semua peringkat kehidupan termasuk dalam keluarga, masyarakat dan institusi seperti yang terungkap dalam P3 “berhampar lapik, berlicin daun”. Seajar dengan itu keperluan menuntut ilmu diutamakan supaya setiap ahli masyarakat dapat membuat keputusan secara bijaksana, rasional, adil dan berhemah. Hal ini terungkap dalam P4 “air beriak tanda tak dalam” dan P7 “berhambakan tangan, bersaksikan mata, berhakimkan hati”.

Di samping itu, ahli masyarakat diingatkan supaya setiap keputusan hendaklah dibuat secara musyawarah malahan dalam P6 “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” menyampaikan mesej supaya sentiasa bermuafakat dalam melakukan sesuatu kerja sama ada susah atau senang. Selanjutnya, peribahasa Melayu didapati berperanan mengingatkan bangsa Melayu supaya tidak berpecah belah seperti yang terungkap dalam P5 “air besar, batu bersibak”.

Jelasnya, terbukti peribahasa Melayu telah menggambarkan warisan budaya pemikiran yang sangat berperanan dalam membentuk masyarakat Melayu yang beradat, beragama, dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam masyarakat seperti amalan kerjasama, toleransi, bijaksana dan hormat. Dengan itu terbukti peribahasa Melayu mementingkan kesejahteraan masyarakat dalam menjalani semua aspek kehidupan. Terbukti juga terdapatnya saling hubungan yang erat antara masyarakat, bahasa, dan budaya, (Wilhelm von Humboldt dalam Gumperz 1996) dan budaya masyarakat tercermin dalam bahasa yang mereka gunakan kerana mereka memiliki segala sesuatu dan melakukannya dengan cara tertentu yang mencerminkan apa-apa yang mereka nilai dan apa-apa yang mereka lakukan, (HSW:1921). Hal ini juga menepati dengan pendapat Hamilton (1947) yang menyatakan bahawa dalam masyarakat Melayu, peribahasa menjadi hukum adat dan nasihat moral serta peraturan dalam mengawal tindak tanduk anggota masyarakatnya. Penciptaannya pula adalah berdasarkan fenomena sebenar kehidupan masyarakat.

## Sosioekonomi

Sosioekonomi ialah kajian tentang hubungan antara aktiviti ekonomi dan kehidupan sosial. Bidang ini mempengaruhi corak penggunaan, pembahagian pendapatan dan kekayaan, cara seseorang berkelakuan dan membuat keputusan dalam pembelian dan cara seseorang memilih barangan dan menggunakan waktu mereka untuk meningkatkan kualiti hidup secara keseluruhan. Sejar dengan itu warisan budaya pemikiran dalam peribahasa Melayu tercermin melalui nilai kerajinan dan keadilan yang dititikberatkan dalam sosioekonomi. Pemikiran tentang kerajinan dan keadilan dalam sistem ekonomi secara tidak langsung melibatkan penghapusan sifat tamak, boros, pentingkan diri sendiri, sebaliknya mengutamakan kejujuran dalam mengendalikan sesuatu pekerjaan. Hal ini dinyatakan dalam P8, P9, dan P10 yang berikut;

Data	Peribahasa	Makna
P8	Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain	Tekun dan sabar membuat sesuatu kerja, akhirnya akan berjaya dan berhasil
P9	Sejernih-jernih air, kalau melalui pembuluh yang kotor, tentu kotor juga	Walaupun suatu usaha itu baik tetapi jika tidak dilakukan dengan ikhlas atau halal, ia tidak akan membawa faedah
P10	Sekali membuka pura, dua tiga hutang terbayar	Sekali melakukan pekerjaan, dua tiga pekerjaan dapat diselesaikan

Seterusnya, pengurusan ekonomi yang cekap diutamakan untuk mengelakkan kerugian dan pembaziran. Sikap segelintir masyarakat Melayu yang tidak beringat-ingat dalam menjalankan kegiatan ekonomi terpapar dalam P11, dan P12 Malahan amalan jimat cermat dan berhemah dalam perbelanjaan seperti yang terungkap dalam P13 juga diungkapkan dalam peribahasa Melayu.

Data	Peribahasa	Makna
P11	Harap hendak melonjak, kopiah pesuk	Kerana hendak hidup mewah, habis semua harta dibelanjakan
P12	Gunung yang tinggi pun akan runtuh jika setiap hari digali	Harta yang banyak akan habis sekiranya digunakan dan tidak berusaha untuk menambahnya
P13	Sealak-alak beras akan penyaram	Anggaran belanja yang secukup-cukupnya

Selanjutnya nilai kesabaran dalam menghadapi cabaran dalam perniagaan turut terserlah dalam P14 “adat juara ada kalah menang”. Selain itu peribahasa Melayu turut menitikberatkan amalan berjimat cermat dalam perbelanjaan seperti yang terungkap dalam P15 “ketika ada jangan dimakan, telah habis maka dimakan” dan mengelak pembaziran dalam P16 “kalau boros lekas kerugian”. Peringatan tentang sikap berbelanja ini diungkapkan kerana amalan berbelanja merupakan satu aktiviti kehidupan harian yang dirangsang oleh naluri manusia yang sangat berkaitan dengan kehidupan kebendaan dan secara semula jadi, manusia mempunyai naluri suka akan harta dan kekayaan sebagai memenuhi keperluan dan perhiasan hidup.

Data	Peribahasa	Makna
P14	Adat juara ada kalah menang	Tiap-tiap usaha ada untung ruginya
P15	Ketika ada jangan dimakan, telah habis maka dimakan	Berjimat cermat dalam kehidupan
P16	Kalau boros lekas kerugian	Pendapatan yang sedikit kalau dibazirkan tentulah menyusahkan

Dalam peribahasa Melayu, terbukti aspek sosioekonomi tidak dipinggirkan kerana pemikiran Melayu cuba memaksimumkan fungsi sesuatu perkataan untuk mengungkapkan idea yang hendak disampaikan dalam peribahasa. Dengan perkataan lain struktur bahasa yang dilahirkan adalah bukti yang mempengaruhi cara bangsa Melayu berfikir dan berperilaku dalam bidang sosioekonomi.

Sementara itu, dalam hal berhutang pula, masyarakat Melayu harus “ukur baju ikut badan sendiri”. Malah peribahasa Melayu ini adalah merujuk kepada hadis Rasulullah S.A.W yang bermaksud: “hati-hatilah kamu dalam berhutang, sesungguhnya hutang itu mendatangkan kerisauan pada malam hari dan menyebabkan kehinaan pada siang hari” - Hadis riwayat al-Baihaqi. Perihal berhutang ini terdapat dalam P17, P18, P19 dan P20 yang berikut;

Data	Peribahasa	Makna
P17	Besar-besar gunung dipandang; kecil-kecil hutang disandang	Hutang itu walau sedikit sekalipun, berat juga bagi orang yang menanggungnya
P18	Menggali lubang menutup lubang	Berhutang untuk membayar hutang
P19	Kalau boros lekas kerugian	Lebih baik miskin daripada kaya banyak menanggung hutang
P20	Ke mana hendak pergi layang-layang itu, talinya ada di tangan kita	Orang yang berhutang itu tidaklah dapat melarikan diri

Selanjutnya dalam menjalankan aktiviti sosioekonomi, seseorang itu digalakkan sentiasa menanam sifat adil dan ihsan serta bertanggungjawab dalam memenuhi tuntutan sosial. Kejujuran dan kebenaran mestilah diutamakan dalam setiap urusan perniagaan seperti yang terungkap dalam P21, P22, P23 dan P24 yang berikut;

Data	Peribahasa	Makna
P21	Seduit dibelah tujuh, sirih sehelai dicabik-cabik	Tanda muafakat kerana tiap-tiap perolehan dibahagi sama rata
P22	Nasi sama ditanak, kerak dimakan seorang	Sama-sama melakukan sesuatu pekerjaan tetapi keuntungan diambil seorang
P23	Air surut kapar hilir bersama, air pasang ia tersangkut	Usaha yang tidak menguntungkan diajak bersama, apabila usaha itu berhasil ditinggalkan
P24	Memagar kelapa condong, buahnya jatuh ke ladang orang	Orang lain yang bersusah-payah, orang lain yang menikmati hasil

Daripada contoh-contoh peribahasa di atas terbukti pemikiran Melayu tentang sosioekonomi diungkapkan dengan menyeluruh yang melibatkan soal-soal perniagaan, pengurusan, amalan jimat cermat, rakan kongsi dan soal keuntungan. Penipuan dan ketidakjujuran dalam sesuatu pekerjaan tidak digalakkan dan amalan ini dianggap tidak sesuai dengan cara hidup Islam. Justeru, dapatlah dirumuskan bahawa warisan budaya pemikiran dalam peribahasa tercermin melalui nilai keadilan sosioekonomi yang dilandasi oleh rasa persaudaraan (ukhuwah), saling mencintai (mahabbah), bantu-membantu dan saling

menolong (ta'awun), baik antara golongan kaya dan golongan miskin serta antara pemerintah dan rakyat. Malah pemikiran Melayu tentang sosioekonomi mengutamakan usaha yang bersungguh-sungguh tanpa mengeneipkan nilai persaudaraan dan keadilan. Di samping itu, daripada peribahasa Melayu didapati pemikiran tentang persaudaraan dan keadilan dalam ekonomi Islam juga menuntut agar hasil bumi diagih sama rata kepada seluruh rakyat melalui zakat, sedekah, pajak, kharaj, jizyah, cukai eksport-import dan sebagainya.

**Sosiopolitik**

Sosiopolitik ialah perkaitan yang melibatkan faktor-faktor kemasyarakatan dan politik. Politik pula merujuk kepada ilmu pengetahuan mengenai dasar-dasar pemerintahan yang juga dikenali ilmu siasah, ilmu kenegaraan dan sebagainya. (Kamus Dewan, 2005). Dengan kata lain, politik adalah proses dan cara membuat keputusan untuk sesuatu kumpulan korporat, akademik, agama, institusi-institusi lain termasuklah pentadbiran sesebuah kerajaan dan negara. Dalam perbincangan mengenai sosiopolitik, orang Melayu tidak terkecuali dalam membicarakan dan mewariskan pemikiran yang disimpulkan dalam peribahasa Melayu. Pembicaraan mengenai sosiopolitik oleh masyarakat Melayu dahulu yang diungkapkan dalam peribahasa Melayu adalah mengenai pemimpin, perihal kepimpinan, keamanan dan kesejahteraan negara dan sebagainya.

Sistem politik Melayu tradisonal adalah berbentuk musyawarah yang dipimpin oleh ketua atau pemangku adat setempat. Musyawarah juga merupakan sarana yang membolehkan rakyat dapat diposisikan untuk membangun aturan-aturan dasar dalam kehidupannya dengan bersumberkan hukum adat setempat. Sementelahan, dalam pemerintahan Malaysia, unsur-unsur adat yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam dibenarkan. Melalui *principle of co-existence* ini orang Melayu dapat menyesuaikan adat dan agama secara harmonis, walaupun ada aspek-aspek tertentu yang bertentangan tetapi terus diamalkan. Hal ini dipaparkan dalam P25, P26 dan P27.

Data	Peribahasa	Makna
P25	Adat di atas tumbuh, pusaka di atas tempat	Orang yang hendak membicarakan hal adat sesebuah negeri, hendaklah orang yang benar-benar arif tentangnya
P26	Adat yang kawi, syarak yang lazim	Adat kebiasaannya merupakan undang-undang dalam pergaulan masyarakat, manakala hukum agama pula merupakan undang-undang negeri
P27	Adat yang menurun, syarak yang mendaki	Adat itu sesuatu yang boleh diperlonggarkan dan diubah-ubah, sedangkan hukum syarak tidak boleh diubah-ubah

Selain itu, terdapat peribahasa Melayu yang turut mengungkapkan sistem pemerintahan dalam P28 “di mana kelintung berbunyi, di situlah kerbau tinggal diam”, pemimpin dan kepimpinan dalam P29 “ikut hakim memiat daging, sakit di awak sakitlah orang”, aspek perundangan dalam P30 “ingat-ingat yang diatas, yang di bawah akan menimpa”, dan hubungan diplomatik dan dunia antarabangsa dalam P31, “masuk ke kampung orang bawa ayam betina”, “jalan di tepi-tepi, benang arang orang jangan dipijak”, “duduk di tapak tangga, mandi di hilir orang, berdiri di luar-luar gelanggang”. Paparan peribahasa ini adalah seperti yang berikut;

Data	Peribahasa	Makna
P28	Di mana kelintung berbunyi, di situlah kerbau tinggal diam	Di mana pemerintah yang baik, di situlah rakyat hidup rukun dan damai

P29	Ikut hakim memiat daging, sakit di awak sakitlah orang	Sesuatu pemerintahan hendaklah dilakukan dengan adil
P30	Ingat-ingat yang diatas, yang di bawah akan menimpa	Orang yang berkuasa mesti menjalankan tugasnya dengan adil, jikalau tidak orang bawahan akan menentang
P31	Masuk ke kampung orang bawa ayam betina, jalan di tepi-tepi, benang arang orang jangan dipijak, duduk di tapak tangga, mandi di hilir orang, berdiri di luar-luar gelanggang	Kalau merantau ke negeri asing, hendaklah selalu mengalah, jangan melakukan pekerjaan yang buruk, selalu merendahkan diri, jangan menunjuk-nunjukkan kelebihan diri

Selain aspek kepimpinan dan kerakyatan yang disebut di atas, terpancar juga warisan budaya pemikiran Melayu dalam peribahasa yang menyentuh tentang jati diri bangsa, kerakyatan dan kenegaraan. Antara peribahasa yang mengungkapkan aspek pemikiran ini adalah seperti yang berikut;

Data	Peribahasa	Makna
P32	Ada padang ada belalang	Ada negeri tentulah ada rakyatnya
P33	Setinggi-tinggi terbang bangau, hinggap di belakang kerbau juga	Walau ke mana juga seseorang itu merantau, akhirnya akan kembali ke negeri asalnya
P34	Menyeberangi jambatan emas	Berjuang untuk mencapai kabahagian bagi nusa dan bangsa
P35	Kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanahnya	Kekuatan sesebuah kerajaan kerana orang-orang besarnya, kekuatan orang-orang besarnya kerana rakyatnya yang bersatu padu

Selain mengungkapkan sistem pemerintahan, pemimpin dan kepemimpinan, kerakyatan dan kenegaraan, peribahasa juga turut mengungkapkan masalah kepincangan politik seperti dalam P36 “gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati ditengah-tengah”, P37 “bahaya tumbuh sengketa habis”, dan P38 “membebek kambing lari ke hutan, menyalak anjing lari ke kota”.

Data	Peribahasa	Makna
P36	Gajah sama gajah berjuang, pelanduk mati ditengah-tengah	Dua pihak berkuasa bergaduh, rakyat yang akan menderita
P37	Bahaya tumbuh sengketa habis	Perselisihan sesama sendiri hilang apabila berlaku sesuatu malapetaka
P38	Membebek kambing lari ke hutan, menyalak anjing lari ke kota	Sewaktu huru hara atau peperangan, orang yang penakut berteriak lari tetapi orang yang berani bertempik maju

Kesimpulannya, warisan budaya pemikiran masyarakat Melayu tentang sosiopolitik adalah menyeluruh, yakni merangkumi sistem pemerintahan, pemimpin dan kepemimpinan, kerakyatan dan kenegaraan, hubungan diplomatik dan juga kepincangan politik. Hal ini menepati pendapat Ariffin Nur



(1966) bahawa peribahasa Melayu mencerminkan peraturan-peraturan, nilai-nilai, dan kehendak-kehendak masyarakat Melayu silam, dan melalui peribahasa itu adalah nasihat, adat istiadat disampaikan dengan berbagai-bagai ragam bahasa yang tinggi dan bernilai sastera.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, pengkaji mengkategorikan peribahasa ini kepada tiga tema, iaitu sosiobudaya, sosioekonomi, dan sosiopolitik untuk menunjukkan kekuatan peribahasa Melayu dalam menyampaikan pengajaran, teladan, tunjuk ajar dan panduan hidup kepada ahli masyarakatnya sekali gus memapar dan menonjolkan warisan budaya pemikiran Melayu dahulu yang relaven sehingga ke hari ini dan akan kekal pada masa akan datang.

## Bibliografi

- Ab. Rahim Ab. Rashid. (2001). *Nilai-nilai Murni dalam Pendidikan: Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors.
- Abdullah Yusof, Ahmad Kamil Ghazali. (1996). *Kognisi dan Hubungannya dengan Bahasa*. Kuala Lumpur. Jurnal Dewan Bahasa (1996.02: 164)
- Bahiyah Dato' Hj Abdul Hamid dan Hafriza Burhanudeen. (1998). *Men and Women in Malay Proverb: An Analysis of Malay Gender Ideology*. dlm. Sharifah Zaleha Syed Hassan dan Rashila Ramli. ed. *Kedudukan dan Citra Wanita dalam Sumber-sumber Tradisional Melayu*. Bangi: UKM
- Edward Djamris. (1985). *Memahami dan Menghargai Peribahasa*. Kuala Lumpur: dlm. Dewan Bahasa. hlm 338-4 29 (5).
- Hamilton A.W. (1947). *Malay Proverbs*. Singapore: Eastern Universiti Press Ltd.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisonal*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Indirawati Zahid. (1998) *Peribahasa Melayu: Satu Klasifikasi yang Tiada Penentu*. Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 42, (11) : hlm 978-984
- Ismail Hamid. (1988). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Jyh Wee Sew. (2009). *Gila -gila dalam peribahasa Melayu dan humor dalam peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jufrizal Zul Amri & Refnaldi. (2007). Hipotesis Sapir-Whorf dan struktur informasi klausa pentopikalan bahasa Minangkabau. *Jurnal Linguistika*, 14(26), 1-22.
- Kamus Dewan. (2005). ed. ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lim Kim Hui. (1998). *Logika, Rasionalisasi, Falasi, dan Prejudis: Satu Kajian Rintis Terhadap Peribahasa Melayu Terpilih*. Kuala Lumpur: Jurnal Dewan Bahasa, Jilid 32, (12) : hlm. 1106-1120.
- Shellabear W. G. & Guru Sulaiman Muhammad Nor. (1964). *Kitab Kiliran Budi*. Kuala Lumpur: Pustaka

Antara

Winstedt, R.O. (1950). *Malay Proverb*. London: John Murray.

Von Humboldt, W. (1767). From “thought and language” to “thinking for speaking”. Dlm J. J. Gumperz, & S.C. Levinson (pnyt.), *Rethinking linguistic relativity*. (hlm. 70-76). Cambridge: University Press

Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu : Penelitian Makna dan Nilai*. Selangor: Penerbit UPM